




IQRA'

BIL. 11/2025
NOVEMBER



Bengkel Sistem Perpustakaan untuk Semua

Disediakan oleh : Abdul Hadi Idris

Tarikh : 30 November 2025



Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu telah menganjurkan Bengkel 1 Staf 1 Perkongsian: Sistem Perpustakaan Untuk Semua pada 30 November 2025, Ahad, bertempat di Makmal Ibu Saffar, bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Program ini bertujuan memperkukuh kefahaman serta kemahiran staf perpustakaan dalam penggunaan sistem maklumat, platform digital, serta peranan baharu dalam penyampaian perkhidmatan.

Bengkel ini menampilkan sembilan sesi perkongsian merangkumi pengenalan sistem OFA, peranan PRJ & PTRJ, kepentingan Institutional Repository, pendigitalan bahan arkib, pemeliharaan bahan bercetak, penjilidan, cadangan pembelian buku dan e-buku, pemilihan bahan silibus serta waqaf, serta perkongsian mengenai Koleksi "Niche" Kelulut Terengganu dan pengurusan pengkatalogan koleksi di perpustakaan.

Penganjuran ini bertujuan meningkatkan kompetensi digital, menggalakkan budaya perkongsian ilmu, memantapkan kerjasama dalaman serta menambah baik mutu perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna. Melalui konsep 1 Staf 1 Perkongsian, setiap peserta berpeluang menyampaikan idea, inovasi atau penambahbaikan berkaitan operasi perpustakaan.

Secara keseluruhan, bengkel ini menjadi platform perkongsian yang penting dalam melahirkan staf perpustakaan yang berkemahiran dalam menyampaikan maklumat, proaktif dan bersedia menghadapi cabaran ekosistem perpustakaan moden.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my